



lokal

DEWAN RAKYAT KECOH

'Insan ajaib' punya hal

Oleh Zanariah
Abd Mutalib
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Rakyat, semalam kecoh seketika selepas pembangkang tidak berpuas hati dengan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan yang mendakwa Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli ialah 'insan ajaib' yang hanya akan muncul enam hingga 12 bulan sebelum pilihan raya.

Saravanan membuat kenyataan itu ketika pengumuman perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2022 sebagai maklum balas kepada soalan Datuk Seri Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) yang bertanya sama ada persepsi pembubaran Parlimen ketika musim banjir yang sering dimainkan pembangkang akan memberi kesan kepada kemajuan RUU berkenaan.

Beliau yang juga Timbalan Presiden MIC berkata, isu pembubaran Parlimen ketika musim banjir adalah drama politik oleh Rafizi.

"Insan ajaib yang dikenali



“
Kenapa anda risau? Anda yang akan mendapat faedah Saravanan

sebagai Rafizi hanya akan muncul enam hingga 12 bulan sebelum pilihan raya. Setelah itu, dia akan hilang.

"Kalau tuan-tuan lihat, Rafizi tidak pernah muncul ketika kita susah ketika Covid-19. Tidak pernah pun ada cadangan daripada Rafizi," katanya.

Kenyataan itu menyebabkan beberapa Ahli Parlimen pembangkang bangun dan meminta Saravanan tidak menyalahkan Rafizi serta kembali kepada sesi pengumuman RUU berkenaan.

Lim Guan Eng (PH-Bagan) berkata, pendirian untuk tidak melaksanakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) bukan hanya oleh Rafizi, tetapi semua parti pembangkang.

"Jika diadakan pilihan raya pada musim tengkujuh, apa rancangan kerajaan untuk menghadapi banjir serentak dengan PRU? Takkan nak mengayuh sampan untuk pergi membuang undi," katanya.

Saravanan menjelaskan, tiada mana-mana pihak yang menyebut untuk melaksanakan PRU ketika mu-

sim banjir.

Katanya, kerajaan sudah pun mempunyai rancangan enam bulan lebih awal untuk menangani masalah bencana itu, mengambil kira pengalaman pada tahun lalu.

"Jika kita membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya pada musim banjir, kenapa pembangkang perlu risau? Rakyat akan sokong anda. Bagilah kita membuat kesilapan.

"Ini seolah-olah mempertahankan kerajaan kita. Kenapa anda risau? Anda yang akan mendapat faedah," katanya.